

# Nilai bon di Asia cecah RM30.71 trilion

Oleh **FADZIL ZAINOL**  
ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 23 JUN

**N**ILAI bon berasaskan mata wang tempatan yang telah diterbitkan oleh negara-negara ekonomi berkembang di Asia berjumlah AS\$8.3 trilion (RM30.71 trilion) sehingga suku pertama 2015, dengan China, Korea Selatan dan Malaysia menjadi tiga negara utama di dalam aktiviti penerbitan bon.

Menurut laporan Panduan Bon Asia bagi edisi Jun 2015 yang dikeluarkan oleh Bank Pembangunan Asia (ADB) hari ini, China merupakan negara penerbit bon kerajaan dan korporat terbesar, manakala Malaysia merupakan penerbit bon Islam atau sukuk terbesar di dunia.

Nilai bon yang diterbitkan di China berjumlah AS\$5.3 trilion (RM19.61 trilion), didorong oleh aktiviti-aktiviti infrastruktur di negara itu yang sentiasa berkembang sama selain

terbitan oleh bank-bank di negara itu yang mahu mengumpul dana untuk menyediakan pembiayaan.

Di Malaysia, bon negara berjumlah RM1.073 trilion dengan RM612 bilion merupakan bon diterbitkan kerajaan sementara RM461 bilion lagi adalah bon korporat. Sukuk menguasai 53 peratus daripada jumlah bon yang diterbitkan itu. Antara bon-bon korporat terbesar yang diterbitkan di Malaysia ialah milik projek usaha sama lebuhraya berjumlah RM30.6 bilion, Cagamas RM23.04 bilion, Khazanah Nasional Bhd. dengan RM20 bilion dan Prasarana berjumlah RM15.9 bilion.

Bagaimanapun menurut ADB dalam laporannya itu, pasaran bon negara-negara ekonomi berkembang Asia bakal berdepan ketidaktentuan pasaran akibat kegagalan Greece menyelesaikan masalah hutangnya dan kemungkinan Amerika Syarikat (AS) menaikkan kadar faedah.

Jelas ADB, jika AS menaikkan kadar faedahnya, pelabur dijangka

akan memindahkan pelaburan mereka untuk dilaburkan ke atas aset-aset di AS. Malah ia mewujudkan risiko akan berlakunya aliran keluar modal secara besar-besaran daripada pasaran negara-negara ekonomi berkembang Asia.

"Bagaimanapun, mungkin berlakunya juga kesukaran kepada pelabur-pelabur ini untuk mengeluarkan pelaburan mereka kerana kurangnya kecairan wang. Malah, peraturan juga kini semakin ketat untuk mengelakkan berulangnya krisis kewangan yang berlaku pada 2008 dan 2009," menurut ADB dalam laporannya itu.

Pada masa sama ADB juga menjelaskan, pengukuhan nilai AS akan memberi kesukaran terhadap bon-bon serantau yang diterbitkan berasaskan dolar AS. Jelas bank pembangunan itu, entiti-entiti yang telah menerbitkan bon tersebut (berasaskan dolar), kini terpaksa membayar faedah bon itu pada harga yang lebih tinggi akibat pengukuhan dolar AS.